

PERATURAN PERMAINAN PETANQUE

1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Petanque Berpasukan Campuran Sukan Staf UTeM.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang *International Federation Of Petanque Jue Provençal* (FIPJP) dan terjemahan Undang-Undang Persekutuan Petanque Malaysia (PPM) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

5.0 ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

- 5.1 Perseorangan Terbuka
- 5.2 Beregu Campuran
- 5.3 Trio Campuran

6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN

- 6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Pertandingan akan dijalankan secara peringkat kumpulan dan pusingan kalah mati.
- 7.2 Pertandingan akan dijalankan secara *double knockout* (kalah mati). Undian semula akan dilakukan untuk menentukan pasukan yang akan bertemu. Penganjur berhak untuk menentukan kaedah undian yang akan digunakan.
- 7.3 Hanya Johan dan Naib Johan akan terus ke peringkat seterusnya.
- 7.4 Permainan hanya dimainkan dalam satu gelanggang sahaja. Untuk balingan jack, balingan adalah sah jika jack berada minimum 50cm dari garis sempadan tepi, dan minimum 1m dari garis sempadan hujung. Setiap kali permulaan *End* baru gelung perlu diletak 1 meter dari garisan belakang.
- 7.5 Jika balingan didapati tidak sah (selepas 1 cubaan sahaja), **jack** diserahkan kepada pihak lawan untuk diletakkan ke jarak sah main mengikut pilihannya. Pihak lawan juga boleh undurkan kedudukan gelung ke belakang sehingga jarak maksimum 3 (10m) dapat dimainkan.
- 7.6 Sekiranya pertandingan telah bermula, mana-mana pasukan yang tidak bersedia di arena akan dikenakan penalti (2 minti-1 mata).

8.0 MASA BERMAIN

- 8.1 Perlawanan dianggap tamat sekiranya terdapat pasukan mencapai mata penuh iaitu tiga belas (13) atau tempoh enam puluh (60) minit had masa permainan.
- 8.2 Sekiranya Tempoh masa telah tamat, *End* yang sedang berlangsung perlu diteruskan sehingga selesai. Pasukan yang memperoleh skor tertinggi dikira pemenang. Jika skor seri (terikat), tambahan 1 *End* akan diberikan untuk menentukan pemenang.

9.0 PAKAIAN / ALATAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain. Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 9.3 Semua pemain tidak dibenarkan menghisap rokok, meminum/membawa minuman keras atau di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan.
- 9.4 Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.
- 9.5 Pita pengukur bagi tujuan mengukur jarak atau penentuan mata perlu disediakan oleh setiap pemain atau pasukan yang bertanding.

10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia.
- 10.2 Peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

11.0 MENARIK DIRI/MEYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pasukan/pemain yang menarik diri dari perlawanan akan diberikan 3 mata kemenangan kepada pihak lawan dan semua keputusan sebelum penarikan tidak akan dikira (bergantung kepada keadaan).

12.0 HADIAH & PEMENANG

12. Penentuan pemenang keseluruhan (*medal tally*) adalah jumlah keseluruhan mata dari 3 acara yang dipertandingkan. Pemberian mata merujuk perkara 14.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

14.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	8	8	8
JUMLAH	9	9	9